



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Parasaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8956 8000 Fax: +60 3 8956 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

# Kenyataan Media

## Press Release

### Untuk Siaran Segera

#### **PEMENANG PERTANDINGAN PEMBANGUNAN APLIKASI MUDAH ALIH AKAN KE *KL CONVERGE!***

**KEMAMAN, Khamis, 21 Mei** --- Pemenang pertandingan mencipta aplikasi mudah alih anjuran Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang telah berlangsung pada 9 Mei lepas akan dibawa ke *KL Converge!* di Kuala Lumpur pada 27 hingga 29 Ogos nanti.

Pertandingan ini merupakan pertandingan *hackathon* yang pertama kali dianjurkan oleh MCMC di luar Kuala Lumpur dan menggunakan konsep *hackathon* yang telah diadakan sebelum ini.

Pertandingan ini telah dibuka kepada orang awam khususnya kepada warga Pantai Timur iaitu penduduk dari negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan, berumur 18 tahun ke atas dan sasaran penyertaan adalah daripada pelajar-pelajar IPTA dan IPTS di Pantai Timur. Setiap penyertaan adalah secara berkumpulan yang terdiri daripada dua hingga empat orang peserta.

Tema penciptaan aplikasi mudah alih dalam *hackathon* tersebut telah dibahagikan kepada tiga, iaitu aplikasi perkhidmatan kerajaan, bandar pintar dan pengurusan banjir. Setiap kumpulan yang mengambil bahagian hanya diberi tempoh selama 24 jam untuk membangun dan mencipta aplikasi mudah alih dengan menggunakan sebarang platform yang sedia ada.

Pertandingan tersebut merupakan susulan kepada kejayaan MCMC dalam menganjurkan beberapa *hackathon* yang telah mendapat sambutan yang amat baik di sekitar Kuala Lumpur. Berdasarkan sambutan yang memberangsangkan melalui pertandingan sebegini, konsep yang sama telah diadakan di Daerah Kemaman, Terengganu dengan objektif untuk menjadikan ia sebagai salah satu hub kandungan di bahagian Pantai Timur.

Kumpulan Sining dengan aplikasi 'Mamashroom Smart Tani' telah menjuarai pertandingan ini untuk kategori terbuka, dan mereka membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak



**Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia**  
Malaysian Communications and Multimedia Commission  
Off Parasaran Multimedia  
63000 Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan  
Malaysia  
Tel: +60 3 8688 8000 Fax: +60 3 8688 1000  
Website : [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my)

## **Kenyataan Media** Press Release

RM7,000.00. Tempat kedua dimenangi oleh kumpulan Penyu Nelang dengan aplikasi yang diberi nama 'Qu Point'. Manakala tempat ketiga dimenangi oleh kumplan Homsterboss dengan aplikasi 'D'Ganu Homestay'. Bagi kategori novis pula, kumpulan SPNY yang mencipta aplikasi 'Park In' telah memenangi wang tunai sebanyak RM3,000.00. Tempat kedua disandang oleh kumpulan Kingsman dengan aplikasi 'i-Istimewa' dan tempat ketiga kumpulan Choki-choki dengan aplikasi 'Karpul'. Pertandingan yang dijalankan dalam tempoh 24 jam di IKBN Kemasik di Kemaman itu telah disertai seramai 26 buah kumpulan yang terdiri dari pembangun aplikasi, pelajar dan usahawan.

Majlis penyampaian hadiah kepada pemenang telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC), Dato' Sri Dr. Halim Shafie dan Ketua Pegawai Kandungan, Keselamatan dan Inovasi MCMC, Dato' Mohd Ali Hanafiah juga turut hadir bersama-sama wakil-wakil dari MCMC dan Jabatan Kerajaan peringkat negeri Terengganu dan daerah Kemaman.

[Tamat]

Mengenai Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

MCMC adalah sebuah badan berkanun ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia 1998 yang melaksana dan mempromosikan matlamat dasar kebangsaan Malaysia bagi sektor komunikasi dan multimedia. MCMC mengawalselia dan menggalakkan pembangunan industri komunikasi dan multimedia yang merangkumi bidang telekomunikasi, penyiaran, dan juga aktiviti dalam talian, perkhidmatan pos dan pensijilan digital. Akta Komunikasi dan Multimedia mengadakan peruntukan kepada MCMC peranan melaksanakan dasar, manakala dasar membuat keputusan adalah diperuntukkan kepada Menteri. Menteri boleh juga mengeluarkan arahan mengenai dasar kepada Suruhanjaya.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.mcmc.gov.my](http://www.mcmc.gov.my) dan untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:  
Tel: +603 8688 8000 Faks: +603 8688 1007 E-mel: [scd@cmc.gov.my](mailto:scd@cmc.gov.my)